

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**SRI PERDANA, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA BAKTI**  
**14 OGOS 1995**

1. Bersama-samalah kita panjatkan dahulu rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya sahaja kita dapat berkumpul di sini untuk menyempurnakan hajat BAKTI yang ikhlas dan suci.

2. Bagi pihak BAKTI, saya mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkanberbanyak terima kasih kerana melapangkan masa untuk hadir, khasnya mereka yang datang dari jauh.

3. Pada tahun lepas, para penderma telah amat bermurah hati menyambut rayuan BAKTI untuk mengisi Tabung Kebajikan BAKTI dalam Majlis Malam Amal BAKTI yang diadakan dua tahun sekali. Hasil daripada kutipan itulah yang membolehkan BAKTI menaburkan balik kepada pihak-pihak tertentu di seluruh negara sebagai amanah para dermawan kepada BAKTI. BAKTI telah terus membantu Persatuanpersatuan Kebajikan dan Keselamatan, Institusi-institusi Perubatan dan Pendidikan dan juga individu-individu yang disahkan benar memerlukan bantuan.

4. Pada tahun ini, dermasiswa kepada pelajar-pelajar Sekolah Rendah, Menengah dan Tinggi bukan sahaja ditambah bilangannya tetapi ditambah juga jumlah lermasiswanya bagi setiap pelajar. Penerima-penerima tidak hadir dalam Majlis ini kerana dermasiswa dermasiswa ini akan disampaikan sendiri oleh Ahli-ahli BAKTI di negeri masing-masing.

5. Begitu juga BAKTI telah menambah sumbangan kepada Tabung Kebajikan Penuntut-penuntut di tiap-tiap universiti dalam negara untuk membantu siswa-siswi dalam masalah mereka dalam tahun pertama atau lain, membeli buku-buku atau lain-lain keperluan. Pengurusan sumbangan ini kepada siswa-siswi dikendalikan oleh pihak universiti sendiri.

6. Pada hari ini, empat universiti dan Institut Teknologi Mara dari Wilayah Persekutuan dan Selangor Darul Ehsan akan menerima sumbangan BAKTI sementara yang lain akan disampaikan oleh Jawatankuasa Tadbir sendiri di Pulau Pinang, Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak kelak.

7. I hope with the increase of BAKTI's two years' donation towards the Universities' Welfare Fund, from RM20,000 to RM50,000, many more students will benefit from it and thereby prevent them from writing to BAKTI direct. We thank the Universities for sending us their reports regularly of those who were given the financial assistance. This has helped us in reviewing our contribution towards the Welfare Fund.

8. BAKTI also contributes a yearly grant for academic research to graduates from

our University on subjects which are related to women's affairs, development and health. Our first research grant was given to Cik Sarah Amin, of Universiti Sains Malaysia for her research on Women, Family and Reproductive Health in 1994. This year, we are happy to award the grant to three graduates from the Faculty of Law, University Malaya, who will do a group research on the Welfare Laws in Malaysia. They are Puan Noraini Abdullah, Cik Norhalidah Mohd. Khalil and Cik Siti Jaharah Jamaluddin. We wish them success and we hope to be furnished with a copy of their research on its completion.

9. Selain daripada pendidikan, BAKTI amat prihatin terhadap rawatan, perubatan dan kesihatan. Dengan munculnya penyakitpenyakit yang memerlukan alat-alat yang canggih untuk pengesanan dan rawatan penyakit-penyakit ini, BAKTI ingin bantu hospital-hospital yang perlukan alat-alat ini supaya pesakit-pesakit dapat menikmati faedah daripadanya. Dalam majlis ini empat hospital akan menerima bantuan membeli alat-alat yang penting.

10. BAKTI amat gembira diberitahu bahawa Yayasan Buah Pinggang Malaysia (The National Kidney Foundation) is building Satellite Dialysis Centres in the Klang Valley and throughout the country to help the poor kidney patients who cannot afford the dialysis machine nor RM800 to RM1000 monthly expenditure for the essential fluids, for life. This humanitarian project should be helped by every concerned group, as a kidney patient depends on the dialysis machine unless he decides on a kidney transplant which is the last resort and it is usually very difficult to obtain a kidney. BAKTI therefore feels that the building of a Satellite Dialysis Centre is one solution to many of the problems and we are happy to contribute to the setting up of one.

11. Other conditions that have appeared in recent years are: AIDS; Child Abuse and Child Neglect; Muscular Dystrophy, not forgetting; the Senior Citizens whose welfare sometimes are forgotten.

12. Adalah menjadi dasar BAKTI membantu golongan-golongan cacat dengan seberapa boleh. Oleh itu BAKTI menghulurkan sumbangan kepada:-

- a) Universiti Hospital untuk penubuhan bengkel kerusi roda dan projek membuat dan mengubahsuai kerusi roda supaya yang cacat akan miliki kerusi roda 'custom-made' untuk hidup supaya dapat bergerak dengan selesa.
- b) Murid-murid cacat di Sekolah Rendah Kebangsaan II Sultan Alam Shah, Petaling Jaya tidak akan ada lagi masalah mengenai pengangkutan dengan pembelian 'coaster' bagi mereka. Murid-murid ini dipandang normal tetapi cacat pendengaran.
- c) Penyakit mental tidak menjadi penghalang bagi pesakit-pesakit Jabatan Psikiatri Hospital Kuala Lumpur mengambil bahagian dalam acara sukan sempena Minggu Kesihatan Mental Sedunia 1995. Mereka memerlukan peralatan untuk digunakan dalam acara sukan.

d) Ramai orang yang berpenyakit alergi, asthma, epilepsy atau lain-lain sedemikian rupa perlu memakai tanda untuk memudahkan mendapat rawatan dalam kecemasan. Medic Alert adalah suatu badan yang ulung membuat tanda-tanda ini sebagai gelang atau diguriskan. Untuk ianya menjadi kekal, sebuah mesin menggruris nama perlu dibeli. BAKTI dengan sukacita membantu membelikannya.

13. Akhir sekali, tetapi amat penting juga, BAKTI ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada pasukan-pasukan keselamatan kita kerana pengorbanan mereka menjaga keamanan dan ketenteraman negara yang kita cinta ini. Menyahut rayuan Hari Pahlawan 1995, BAKTI menghulurkan sumbangan kepada kedua-dua pasukan keselamatan supaya membantu balu-balau dan keluarga yang tinggal ataupun mereka yang cacat atau tidak lagi berkemampuan untuk menyara hidup mereka. BAKTI berharap sumbangan ini akan meringankan penghidupan mereka yang memerlukan bantuan dan berharap juga Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dan Tabung Kebajikan Serbaguna Polis DiRaja Malaysia akan menguruskannya dengan baik.

14. Majlis Penyampaian ini tidak akan diadakan tanpa pendermapenderma yang budiman yang memberi BAKTI penuh keyakinan dan sokongan. BAKTI terhutang budi kepada jasa-jasa mereka yang ikhlas, hanya dengan mendoakan sahaja semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menambahkan kejayaan mereka supaya BAKTI dapat menumpang sama.

15. Saya ucapkan terima kasih juga kepada semua yang sudi hadir petang ini. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati dan merestui majlis ini dan semoga tuan-tuan dan puan-puan yang menerima sumbangan-sumbangan BAKTI yang ikhlas ini menguruskannya dengan baik. Sampainya sumbangan-sumbangan ini kepada sasaran BAKTI, sempurnalah tanggungjawab BAKTI yang diamanahkan oleh para penderma.